

## Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U)

### Input Pengeluaran Agromakanan

#### LEMBARAN MAKLUMAT PROGRAM

Tarikh : \_\_\_\_\_ (Untuk diisi oleh Cawangan)

**[Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Program ini bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat Program sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Program pembiayaan Input Pengeluaran Agromakanan (IPA)**

Dapatkan penjelasan daripada Agrobank ('Bank') jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau mana-mana terma-terma dan syarat-syarat bagi Program ini.

#### 1. Apakah Program ini?

Input Pengeluaran Agromakanan (IPA) adalah Program yang menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan tani yang terjejas akibat tekanan ekonomi kesan Pandemik Covid-19 dan krisis Rusia-Ukraine yang seterusnya menyumbang kepada kenaikan global harga input pengeluaran pertanian seperti baja, makanan ternakan dan racun kawalan.

#### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Program ini menggunakan konsep *Tawarruq* yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan Aset (komoditi) oleh Penjual kepada Pembeli secara tangguh. Seterusnya, Pembeli bagi urusan penjualan yang pertama akan menjual Aset (komoditi) yang sama kepada Pihak Ketiga secara tunai.

Melalui transaksi *Tawarruq*, pihak Bank akan membeli Aset (komoditi) daripada Pembekal Komoditi dengan Harga Kos (berdasarkan kepada jumlah pembiayaan yang diluluskan). Kemudian, pihak Bank menjual Aset (komoditi) tersebut kepada Pelanggan secara *Murabahah* iaitu Harga Kos ditambah Keuntungan dengan bayaran secara tertangguh. Seterusnya, Bank (bertindak sebagai Wakil Pelanggan) akan menjual Aset (komoditi) tersebut kepada Pihak Ketiga pada Harga Kos secara tunai. Hasil jualan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan sebagai amaun pembiayaan yang dikehendaki oleh Pelanggan.

"Komoditi" dalam konteks transaksi *Tawarruq* adalah merujuk kepada apa-apa jenis komoditi patuh Syariah yang diterima pakai oleh Bank seperti minyak sawit mentah, plastik resin, kredit prabayar atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi yang diniagakan di mana-mana Platform Dagangan Komoditi yang diluluskan oleh Bank. Pembelian dan penjualan komoditi tersebut dibuat berdasarkan mandat yang diberikan oleh pihak Pelanggan, di mana Bank mengurusniaga menggunakan komoditi yang sedia ada dan dibekalkan oleh Pembekal Komoditi tertakluk kepada polisi semasa Bank.

#### 3. Apakah syarat kelayakan bagi Program ini?

- Warganegara Malaysia
- Usahawan tani yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pertanian pengeluaran bahan makanan (merujuk kepada penanaman, penternakan dan perikanan) serta perniagaan runcit yang terlibat dalam pembekalan input pengeluaran.
- Contoh perniagaan yang layak adalah:
  - i. Penanaman sayuran/buah-buahan/padi dan seumpamanya
  - ii. Penternakan ayam/itik/lembu/kambing dan seumpamanya
  - iii. Penangkapan ikan marin/sungai/penternak ikan dan seumpamanya
  - iv. Perniagaan runcit yang membekalkan bahan makan ternakan/baja/racun dan mana-mana segmen yang dibawah kategori input pengeluaran pertanian

---

Lembaran Maklumat Program – Input Pengeluaran Agromakanan (IPA)

Bank Pertanian Malaysia Berhad

Versi 1/2022

Tarikh Berkuatkuasa: Julai 2022

**UMUM**

**Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U)**

**Input Pengeluaran Agromakanan**

- Berusia 21 tahun (semasa permohonan) sehingga 70 tahun (sehingga tarikh matang pembiayaan)
- Mempunyai rekod kredit yang baik dan tiada tindakan undang-undang.
- Permohonan oleh individu dan/atau milikan tunggal
- Perniagaan sah berdaftar di bawah Undang-Undang Malaysia dan telah beroperasi sekurang-kurangnya 6 bulan semasa permohonan pembiayaan

**4. Apakah ciri-ciri Program ini?**

Ciri-ciri Program ini adalah seperti berikut:-

<b>Margin Pembiayaan</b>	Sehingga 100% jumlah kos projek dan tertakluk kepada penilaian kredit
<b>Had Pembiayaan</b>	Minimum : RM1,000.00 Maksimum : RM350,000.00
<b>Tempoh Pembiayaan</b>	Maksimum 108 bulan termasuk 6 bulan moratorium
<b>Kadar Keuntungan</b>	1. 0% dalam tempoh 6 bulan pertama (iaitu dalam tempoh moratorium) dan bulan ke-7 dan seterusnya kadar keuntungan dikenakan pada kadar 3% setahun. 2. Pengiraan keuntungan adalah berdasarkan baki bulanan.
<b>Tempoh Moratorium</b>	Sehingga 6 bulan

**5. Apakah tanggungjawab saya?**

- Membuat bayaran berdasarkan Harga Jualan (jumlah yang perlu di bayar adalah termasuk keuntungan).
- Melaksanakan akad untuk transaksi *Tawarruq*.
- Membuat bayaran deposit sekuriti sebanyak sepertimana dinyatakan di dalam Surat Tawaran, jika ada.
- Membuat bayaran ansuran bulanan sepertimana dinyatakan di dalam Surat Tawaran.

**6. Apakah fi dan caj yang perlu dibayar?**

Jenis Fi dan Caj	Keterangan Fi dan Caj
<b>Sumbangan Takaful</b>	Tertakluk kepada jumlah pembiayaan yang diluluskan
<b>Bayaran Duti Setem</b>	Seperti yang termaktub di dalam Akta Setem 1949
<b>Fi Pembrokeran</b>	RM7 bagi setiap RM1,000,000.00 jumlah pembiayaan atau lain-lain harga yang ditetapkan oleh pembekal komoditi

**Nota:**

- Dari semasa ke semasa, pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan (jika berkenaan) sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan.
- Sekiranya berkenaan, fi dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("SST") sebanyak 6% (atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia).

## Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U)

### Input Pengeluaran Agromakanan

#### 7. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab yang diperuntukkan?

- Bank berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (*Ta'widh*) daripada anda ke atas kerugian yang dialami oleh pihak Bank akibat Pelanggan lewat/gagal membayar ansuran berdasarkan kaedah seperti berikut:
  - i. Sebelum tarikh matang, *Ta'widh* yang dikenakan adalah sebanyak jumlah kerugian sebenar dan tidak melebihi 1% setahun ke atas jumlah bayaran tertunggak dan akan dikira secara harian.
  - ii. Selepas tarikh matang, *Ta'widh* yang dikenakan adalah pada kadar *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) yang ditetapkan oleh Bank berdasarkan garis panduan Bank Negara Malaysia ke atas keseluruhan jumlah prinsipal terhutang.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang ke atas anda sekiranya anda gagal untuk mematuhi notis peringatan yang dikeluarkan oleh Bank. Bank juga berhak untuk menyemak semula dan menamatkan kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada anda dengan memberikan notis apabila berlaku sebarang kejadian kemungkiran sepertimana dipersetujui melalui terma-tema dan syarat-syarat kemudahan pembiayaan.

#### 8. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Rebat (*Ibra'*) akan diberikan kepada Pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan berikut:-

- i. Pelanggan membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum tarikh matang pembiayaan;
- ii. Pelanggan membuat penjelasan pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstrukturan pembiayaan;
- iii. Penjelasan oleh Pelanggan dalam kes kemungkiran yang mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan kemudiannya membuat bayaran keseluruhan keterhutangan di bawah pembiayaan sebelum tarikh matang;
- iv. Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan pembatalan atau penamatan pembiayaan sebelum tarikh matang.

Jumlah rebat/*ibra'* pada masa penyelesaian awal sebelum tarikh matang adalah seperti berikut:

$Ibra'$ pada masa penyelesaian = Keuntungan tertangguh
--

#### 9. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?

Anda digalakkan untuk mengambil Skim Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keberhutangan di bawah pembiayaan yang diberikan dalam hal kematian dan Hilang Upaya Kekal. Pembayaran boleh dibuat melalui potongan daripada jumlah pembiayaan yang diberikan. Anda boleh memilih penyedia Takaful bukan panel Bank. Walau bagaimanapun, bagi menjaga kepentingan Bank dan anda sebagai Pelanggan, pelantikan Takaful panel adalah amat digalakkan.

#### 10. Adakah saya memerlukan jaminan atau cagaran?

Tiada jaminan atau cagaran diperlukan oleh Bank.

## Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U))

### Input Pengeluaran Agromakanan

#### 11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat perhubungan anda, sila hubungi:

Agrobank, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur

• Tel : 1-300-88-2476 • Faks: 603-2692 2053 • Emel : [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)

#### 12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- Jika anda mempunyai sebarang masalah dalam menjelaskan pembayaran anda, sila hubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif bayaran pembiayaan. Anda boleh menghubungi pihak Bank di:

Agrobank, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.

• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2692 2053 • Emel: [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh BNM untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang secara percuma bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra-commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

• Tel: 1-800-22-2575 • Emel: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai Program atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi kami di:

Agrobank, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.

• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2692 2053 • Emel: [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)

- Jika soalan anda atau aduan tidak diselesaikan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi BNM LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

• Tel: 1-300-88-5465 • Faks: 603-2174 1515 • Emel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

#### 13. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Bagi mendapatkan maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila kunjungi cawangan Agrobank berdekatan atau hubungi kami di:

Agrobank, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.

• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2692 2053 • Emel: [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)

#### MAKLUMAT LAIN

- Maklumat yang disediakan untuk Lembaran Maklumat Program ini adalah sah pada tarikhnya.
- Pelanggan dinasihatkan untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan ini.

**Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U)**

**Input Pengeluaran Agromakanan**

**NOTA PENTING :**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN PEMBIAYAAN BAGI INPUT PENGELUARAN AGROMAKANAN (IPA) ANDA.**

**Penafian:**

Terma dan syarat di dalam Lembaran Maklumat Program ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan.

\*Sekiranya terdapat sebarang percanggahan diantara versi Bahasa Malaysia dan versi English, versi English akan terpakai.

Sila ambil maklum bahawa semua maklumat yang dizahirkan di bawah dokumen ini perlu diproses mengikut undang-undang yang berkaitan, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Sila rujuk Polisi PDP kami yang boleh didapati di laman sesawang kami di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) atau anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.

Saya/Kami dengan ini mengaku menerima dan memahami kandungan Lembaran Maklumat Program seperti yang telah diterangkan kepada saya/kami.		
Tandatangan	:	
Nama	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Tarikh	:	